



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**03 Ogos 2024
28 Muharam 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Kutip 11,000 kilogram sampah di perairan PD• Misi pemuliharaan karang
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			35	3-8-2024

Kutip 11,000 kilogram sampah di perairan PD



SEBAHAGIAN penyelam menunjukkan antara sampah dan pukot hantu yang berjaya dikutip di dasar laut sempena Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

PORT DICKSON: Puluhan penyelam yang bergerak secara sukarela membersihkan dasar laut di perairan dan pesisir pantai di Port Dickson di sini mengumpul sehingga 11,000 kilogram sampah sejak awal tahun lalu sehingga Julai lalu.

Aktivis alam sekitar, Noor Fadzli Shah berkata, sekitar 20 hingga 40 penyelam melaksanakan tugas sukarela itu bagi setiap sesi sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan.

Menurutnya, tumpuan penyelam adalah untuk membersihkan dasar laut di perairan berhampiran Pantai Tanjung Biru, Pantai Cermin dan Tanjung Tuan yang terletak berhampiran antara satu sama lain.

Ia memandangkan lokasi tersebut merupakan satu-satu

nya di Selat Melaka yang mempunyai khazanah batu karang.

"Jenis-jenis sampah kebiasaannya plastik dan botol air yang paling banyak ditemui, namun kita tidak mahu ia berada di perairan kerana bahan mengandungi merkuri dan mampu memberi kesan kepada hidupan di laut.

"Ini terutamanya hidupan laut yang mempunyai bercengkerang. Oleh itu, kita akan sentiasa melaksanakan program pembersihan ini bagi menjaga khazanah alam terutamanya yang terdapat di perairan Tanjung Tuan ini selain melipatgandakan usaha menanam serta memulihara pokok bakau.

"Kami juga berbesar hati apabila aktiviti pembersihan pantai

dan dasar laut ini akan menjadi acara tahunan dalam kalender pelancongan Negeri Sembilan pada tahun hadapan," katanya.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe dalam pada itu berkata, Tanjung Tuan adalah lokasi paling unik kerana ia satu-satunya kawasan tepian tanah besar Semenanjung Malaysia yang mempunyai terumbu karang yang cantik dan pelbagai spesies hidupan marin.

Menurutnya, spesies hidupan marin itu termasuk ikan-ikan karang, tumbuhan akuatik (latok), penyu dan mamalia akuatik.

"Port Dickson yang terkenal sebagai pusat pelancongan juga menjadi lokasi selam yang menarik berikutan adanya kepelbagaian terumbu karang yang cantik ini" katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			37	3-8-2024

Misi pemuliharaan karang UM/M 537 34

SERAMAI 40 sukarelawan dengan kerjasama Leges Divers, Pusat Penyelidikan Marin Universiti Kebangsaan Malaysia (EKOMAR), dan Jabatan Perikanan Malaysia sebagai rakan strategik kerajaan, telah menjalankan misi pemuliharaan karang selama tiga hari di Kampung Salang, Pulau Tioman dari 19 hingga 21 Julai lalu.

Usaha itu merangkumi pemantauan kesihatan karang, menjalankan bengkel pendidikan, dan menghulurkan sumbangan Amal Jariah kepada komuniti Pulau Tioman, yang membuktikan komitmen EGTB terhadap kelestarian dan kesejahteraan komuniti. Menurut Ketua Pegawai

Program Reef Check Malaysia, Alvin Chelliah, lebih banyak karang telah mula memutih disebabkan oleh gelombang haba baru-baru ini pada bulan April dan Mei, dengan purata 25 peratus pemutihan karang direkodkan di Johor dan Pahang.

"Sehubungan itu, melalui Leges Divers, Jabatan Perikanan Malaysia telah menggalakkan Etiqa untuk memantau kesihatan karang bagi membantu menentukan langkah pemuliharaan masa hadapan dalam menyelamatkan terumbu karang di Kampung Salang, Pulau Tioman," katanya dalam kenyataan.



SUKARELAWAN bergambar semasa menjalankan misi pemuliharaan karang di Salang Tioman, baru-baru ini.